

Baiki tahap kecemerlangan pelajar

# Peranan universiti dikaji semula: PM

“ **BH 20 SEP 2000**

Sesiapa yang membelakangkan kepentingan rakyat seperti ditentukan kerajaan pilihan majoriti, sebaliknya mengutamakan kepentingan diri atau satu puak tertentu, tidak layak diberi kepercayaan oleh kerajaan yang memerintah.

”

– Dr Mahathir Mohamad

**Oleh Lichong Angkui  
dan Muhd Yusuf Abu Bakar**

KOTA KINABALU, Selasa – Peranan universiti pada alaf baru perlu dikaji semula bagi menentukan ia mencapai matlamat selain mengambil kira masalah pencapaian pelajar Bumiputera, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, langkah itu bagi menentukan pelajar memiliki gandingan ilmu dan budaya mulia serta tidak menyalahgunakannya, tetapi memanfaatkannya bagi kemajuan bangsa dan negara.

Sambil menegaskan sesuatu bangsa itu tidak akan maju dan berjaya jika tidak memiliki ilmu dan budaya mulia, beliau berkata setiap institusi pendidikan perlu memahami gabungan kedua-dua aspek itu demi kemajuan bangsa dan negara.

Sehubungan itu, katanya, setiap universiti kerajaan perlu mengambil kira kepentingan umum iaitu setiap yang dilakukan hendaklah bertujuan memenuhi kepentingan rakyat dan negara.

“Sesiapa yang membelakangkan kepentingan rakyat seperti ditentukan kerajaan pilihan majoriti, sebaliknya mengutamakan kepentingan diri atau satu puak tertentu, tidak layak diberi kepercayaan oleh kerajaan yang memerintah,” katanya merasmikan kampus induk Universiti Malaysia Sabah (UMS) di Teluk Sepanggar, di sini hari ini.

Hadir sama isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ah; Ketua Menteri, Datuk Osu Sukam; Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad; dan Naib

# Pensyarah diminta ambil berat prestasi pelajar

BM 20 SEP 2000  
DARI MUKA 1

Canselor UMS, Prof Datuk Dr Abu Hassan Othman.

Dr Mahathir yang dalam rangka lawatan rasmi dua hari ke Sabah berkata masalah pencapaian Bumiputera yang diberi peluang belajar di universiti perlu mendapat perhatian semua pihak.

Katanya, menambah kuota Bumiputera tidak dengan sendirinya menghasilkan keputusan yang lebih baik.

"Walaupun 60 peratus daripada kemasukan ke universiti terdiri daripada Bumiputera, peratusan yang lulus amat mengecewakan. Lagi pun, yang lulus tidak mendapat kelas yang tinggi.

"Apakah sebabnya? Siswa amat marah jika mereka disuruh menumpukan kepada pelajaran, tetapi hakikatnya ialah jika tidak ada tumpuan serius kepada pelajaran, mustahil kejayaan dalam peperiksaan akan tercapai," katanya.

Untuk itu, Dr Mahathir mahu universiti menentukan tenaga pengajar bukan saja mengajar mengikut jadual, tetapi mengambil berat soal pencapaian penuntut Bumiputera dan jika perlu, profesor atau pensyarah hendaklah memberi bimbingan kepada penuntut yang lemah.

"Amat malang sekali apabila didapati sebilangan kecil daripada tenaga pengajar, termasuk yang dihantar ke luar negeri untuk melayakkan mereka menjadi pensyarah, menghasut penuntut supaya membenci kerajaan," katanya.

Menjawab soalan pelajar ketika sesi dialog selepas itu, Dr Mahathir berkata pencapaian lemah pelajar Bumiputera di universiti disebabkan pengaruh parti politik tertentu dan golongan anti kerajaan yang bergerak di kampus.

Katanya, hasutan pihak tertentu di universiti menyebabkan sebahagian pelajar asyik dengan demonstrasi dan tidak menumpukan perhatian kepada pelajaran mereka.

"Ini berbeza dengan pelajar bukan Bumiputera yang lebih menumpukan kepada pelajaran, menyebabkan mereka boleh mencapai kejayaan cemerlang berbanding pelajar Bumiputera," katanya.

Beliau berkata, kelemahan pelajar Bumiputera bukan kerana sikap malas untuk belajar seperti anggapan umum.

"Sikap berkenaan boleh diperbetulkan jika mereka mahu, tetapi kalau tidak mahu diperbetulkan, itu terpujang kepada mereka," katanya.

Perdana Menteri turut menegaskan kerajaan komited meningkatkan taraf pendidikan setiap rakyat bagi membolehkan mereka menguasai ilmu.

Oleh itu, katanya, rakyat harus mempunyai nilai hidup mulia bagi menentukan ilmu yang diperoleh digunakan dengan baik dan berhasil kerana gandingan ilmu dan budaya mulia adalah kunci sebenar kepada kebahagiaan hidup individu dan kemajuan bangsa dan negara.

"Sebaliknya, jika ilmu yang diperoleh digunakan untuk kegiatan yang tidak sihat dan tidak bertanggungjawab, maka akan rosaklah individu, masyarakat dan negara," katanya.